



LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH
(SABAH PORTS AUTHORITY)

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN
Rujukan Fail : LPPS500-9/14/19

1.	a. Jawatan b. Jumlah Kekosongan c. Badan Berkanun Negeri d. Taraf Lantikan e. Kumpulan Perkhidmatan f. Klasifikasi Perkhidmatan	Penolong Pegawai Undang-Undang, Gred L29 Satu (01) Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (<i>Sabah Ports Authority</i>) Kontrak Pelaksana Perundangan Dan Kehakiman
2.	Jadual Gaji	Gaji Minimum : RM1,773.00 Gaji Maksimum : RM5,674.00 Kenaikan Gaji Tahunan : RM145.00
3.	Syarat-Syarat Lantikan Syarat Kelayakan Bahasa Melayu	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) Warganegara Malaysia yang mana salah seorang ibu atau bapanya hendaklah berasal dari Sabah; (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ini; (c) (i) Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred L29: RM1,773.00); atau (ii) Diploma undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred L29 : RM1,847.86); (d) Pemohon yang memiliki kelayakan lebih tinggi iaitu Ijazah Sarjana Undang-Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada agensi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya boleh dipertimbangkan. 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.	Ringkasan Tugas	<p>a) Membantu Pegawai Undang-Undang (PUU) menyediakan surat cara perundangan, nasihat perundangan, notis tuntutan/amaran/penamatan/pembaharuan/penyambungan dan lain-lain, mendraf dokumen perjanjian kontrak/memorandum persefahaman (MOU), perunding bagi projek pembangunan pelabuhan dari aspek perundangan, pemantauan Dokumen Perjanjian Penswastaaan Pelabuhan;</p> <p>b) Menjalankan siasatan awal, kajian kes, pengumpulan data dan keterangan berkenaan sesuatu isu undang-undang; dan</p> <p>c) Menjalankan lain-lain tugas Unit Perundangan yang diarahkan dari semasa ke semasa.</p>
5.	Cara Memohon	<p>Permohonan mestilah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Kerja yang boleh dimuat turun di laman web rasmi Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah di www.lpps.sabah.gov.my.</p> <hr/> <p>Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada :</p> <p style="text-align: center;">Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah Beg Berkunci No. 2005 88617 Kota Kinabalu, Sabah</p> <p>Tarikh tutup permohonan adalah pada <u>22 Ogos 2022 (Isnin)</u>. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.</p>
6.	Sesi Temuduga	<p>Hanya pemohon yang layak selepas tapisan kelayakan akan disenarai pendek dan akan dipanggil untuk sesi temuduga.</p> <p>Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.</p>